

KONSEP METAFIZIK DALAM PERIBAHASA MELAYU

(Concept of Metaphysics in Malay Proverbs)

Munif Zarirruddin Fikri Nordin
munifzarirruddin@yahoo.com

Kedah Darul Aman, Malaysia.

Rujukan makalah ini (To cite this article): Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2026). Konsep metafizik dalam peribahasa Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 19(2), 223–248. [https://doi.org/10.37052/jm.19\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jm.19(2)no2)

Peroleh: Received:	1/12/2025	Semakan: Revised	25/5/2026	Terima: Accepted:	28/7/2026	Terbit dalam talian: Published online	31/7/2026
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	--	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Abstrak

Peribahasa Melayu bermula dalam bentuk tradisi lisan dan penghafalan sebelum diperluas dalam bentuk tulisan. Walaupun ahli atau pencipta peribahasa tidak diketahui, tetapi struktur makna dan pembentukannya sangat menarik dan indah, serta menjangkau pelbagai konsep metafizik. Dengan ciri-ciri tersebut, peribahasa Melayu merupakan cebisan kecil produk dan manifestasi falsafah Melayu berlatarkan kearifan tempatan. Makalah ini (1) menjelaskan struktur makna metafizik dalam peribahasa Melayu, dan (2) membincangkan pembentukan konsep metafizik dalam peribahasa Melayu. 10 peribahasa dipilih dengan masing-masing mewakili lima konsep metafizik dengan fokus kepada ontologi, iaitu perubahan, taakulan dan pengalaman, sebab dan akibat, hukum alam, serta ruang dan masa. Makna semua peribahasa berkenaan adalah bersumberkan *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* susunan Abdullah Hussain (1989). Makalah ini mendapati bahawa dalam pengungkapan konsep metafizik berkenaan, struktur maknanya adalah sistematik, halus, unik dan mempunyai kesejajaran dengan ungkapan dan rima. Kepelbagaian konsep metafizik dalam peribahasa tersebut pula dibentuk oleh kefahaman, kebijaksanaan dan ketinggian akal budi ahli atau pencipta peribahasa dalam interaksi bersama-sama realiti dan kewujudan alam. Hal ini disingkap melalui kewujudan pelbagai konsep, seperti perubahan, ‘*priori*’ dan ‘*posteriori*’ dalam taakulan dan pengalaman, *korolari* dalam sebab dan akibat, hubungan berterusan dalam hukum alam, serta urutan dan pergerakan dalam ruang dan masa. Tetapi, persoalan selanjutnya ialah bagaimanakah pembentukan konsep metafizik

Melayu tersebut dilakukan dan mengapakah kewujudannya bagaikan tidak disedari dan dipedulikan? Kajian akan datang perlu memberikan perhatian kepada konsep ini dengan menyusurjalurkan induk yang mencantumkan metafizik dalam peribahasa dengan cebisan lain produk dan manifestasi falsafah Melayu dalam kerangka pemetaan yang jelas supaya kewujudannya dirasai dan kepentingannya dihargai.

Kata kunci: Falsafah Melayu, metafizik Melayu, ontologi, peribahasa, semantik, pragmatik

Abstract

Malay proverbs originated as part of oral traditions and memorisation before being developed into written forms. Although the scholars or creators of these proverbs are unknown, the structure and formation of their meanings are highly interesting and beautiful, spanning across various metaphysical concepts. With these characteristics, Malay proverbs constitute small fragments of Malay philosophical products and manifestations, grounded in local wisdom. This article (1) explains the structure of metaphysical meaning in Malay proverbs and (2) discusses the formation of metaphysical concepts in Malay proverbs. Ten proverbs were selected, each representing five metaphysical concepts with a focus on ontology, namely change, reasoning and experience, cause and effect, natural law and space and time. The meanings of all the proverbs are sourced from Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua compiled by Abdullah Hussain (1989). This article finds that, in expressing the metaphysical concepts, the structure of meaning is systematic, subtle and distinctive, and exhibits parallelism in its expressions and rhymes. The diversity of metaphysical concepts found in these proverbs is shaped by the understanding, wisdom and intellectual acumen of their scholars or creators in their interaction with reality and the existence of nature. This is revealed through the existence of various concepts, such as change; 'priori' and 'posteriori' in reasoning and experience; corollaries in cause and effect; constant relationships in the laws of nature; as well as order and movement in space and time. However, a further question arises: how were these Malay metaphysical concepts formed, and why does their existence seems to have gone unnoticed and unacknowledged? Future studies should pay greater attention to these concepts by tracing the parent framework that connects metaphysics in proverbs with other fragments of Malay philosophical thought and its manifestations, through a clear mapping framework, so that their existence can be recognised and their significance appreciated.

Keywords: Malay philosophy, Malay metaphysics, ontology, proverbs, semantics, pragmatics

PENDAHULUAN

Metafizik ialah cabang falsafah yang paling luas cakupan dan rentasannya berbanding dengan cabang lain, seperti epistemologi, logik, etika dan estetika (McDaniel, 2020).

Perbincangan dalam metafizik merangkumi bukan sahaja persoalan kewujudan, kemenjadian dan realiti dalam ontologi, bahkan merangkumi fenomena perubahan, taakulan dan pengalaman tentang kewujudan, sebab dan akibat, hukum alam dalam kosmologi, serta persoalan ketuhanan dalam teologi dan persoalan hubungan jiwa, jasad dan minda dalam psikologi (Carroll & Markosian, 2010: hlm. 1–3). Oleh sebab keluasan cakupan itu, maka metafizik dianggap sebagai ibu segala falsafah atau ‘falsafah pertama’ mengikut pemerihalan Aristotle, sebagaimana falsafah dianggap sebagai ibu segala ilmu (Loux & Crisp, 2017: hlm. 2–3).

Metafizik Melayu seperti metafizik dalam falsafah bangsa lain kaya dengan pelbagai konsep, pengertian dan penginterpretasian. Satu daripada wadah berfalsafah dalam falsafah Melayu ialah peribahasa. Realiti peribahasa mendukung kebijaksanaan tradisional (Ismet & Rebecca, 2003:72) yang terkandung di balik susunan ayat dan maknanya. Meskipun pencipta atau ahli peribahasa dan periode peribahasa diperkenalkan tidak diketahui dengan jelas, namun peribahasa Melayu merupakan pengungkap metafizik yang indah struktur ayatnya, sarat maknanya dan luas jangkauan konsepnya. Dengan ciri-ciri tersebut, peribahasa Melayu merupakan cebisan kecil produk dan manifestasi falsafah Melayu berlatarkan kearifan tempatan.

Walau bagaimanapun, dari sudut pandang falsafah Melayu, khususnya metafizik sendiri, persoalan-persoalan seperti apakah kandungan struktur makna metafizik dalam peribahasa Melayu sehingga menerbitkan keindahan dan bagaimanakah keluasan jangkauan konsep metafizik dalam peribahasa Melayu dibentuk masih belum dikaji dengan sistematik dan terancang. Satu kajian yang boleh dianggap yang pertama (Aliza Elias, 2020:117) dan yang merintis hubungan falsafah dan peribahasa ialah kajian Lim Kim Hui (2003) dalam *Budi As the Malay Mind: A Philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa*. Selepas itu, tiada kajian falsafah seumpama ini ditemui.

Makalah ini bertujuan untuk mengisi sedikit ruang kelompangan tersebut dengan (1) menjelaskan struktur makna metafizik dalam peribahasa Melayu, dan (2) membincangkan pembentukan konsep metafizik dalam peribahasa Melayu.

KAJIAN LEPAS

Bahagian ini menyorot kajian lepas yang berkaitan dengan metafizik dalam falsafah Barat, Islam dan Melayu, serta fungsi peribahasa Melayu dan pengungkapan metafizik.

Metafizik dalam Falsafah Barat, Islam dan Melayu

Dari segi konsep, skop dan elemen asas metafizik, terdapat persamaan dan perbezaan perbahasan antara falsafah Barat, Islam dan Melayu. Sorotan ini dibahagikan kepada tiga subbahagian.

Metafizik dalam Falsafah Barat

Konsep, skop dan elemen asas metafizik Barat dilakarkan sejak era falsafah pra-Socrates lagi. Heraclitus (sekitar 500 SM) menulis di atas gulungan papirus tentang tiga perkara, iaitu kosmologi, politik (dan etika) dan teologi. Fenomena perubahan dikaji oleh Heraclitus melalui teori '*flux*' beliau, iaitu "*everything flows*" atau setiap sesuatu berubah. Teori tersebut terkenal kerana mengandungi interpretasi perubahan yang berlaku kerana sebab dan akibat, serta hukum alam. Daripada fenomena perubahan, skop metafizik Barat menjangkau konsep taakulan, pengetahuan dan pengalaman, sebab dan akibat, hukum alam, masa dan ruang, serta ontologi.

Aristotle (384-322 SM) pula menulis risalah yang diberikan pelbagai nama, seperti "Falsafah Pertama," "Sains Pertama," "Kebijaksanaan" dan "Teologi." Andronicus of Rhodes (abad pertama Masihi) yang menyunting risalah Aristotle berkenaan menjudulkannya sebagai *meta ta physika Biblia*. Daripada judul inilah istilah metafizik dipopularkan. Aristotle membahagikan metafizik kepada tiga bahagian, iaitu ontologi, teologi dan sains sejagat.

Pada zaman pertengahan, Aquinas menggabungkan metafizik dengan falsafah utama dan teologi. Metafizik dan falsafah utama merujuk kajian secara tidak langsung tentang ketuhanan, manakala teologi pula ialah kajian secara langsung tentang Tuhan (Ahmad Sanuwari, 2008: 112). Pada zaman moden, ahli falsafah Perancis Decartes (1596-1650) dari aliran rasionalisme, ahli falsafah Scotland Hume (1711-1776) yang mendukung empirisisme dan ahli falsafah Jerman Kant (1724-1804) yang mensentesis rasionalisme dan empirisisme melontarkan pandangan berbeza berkenaan metafizik.

Cakupan metafizik moden pula diperluas lagi yang merangkumi ontologi, teologi, kosmologi, psikologi dan sains tabii. Dalam pada itu, terdapat perbezaan antara aliran falsafah Barat tentang kaedah kajian metafizik. Misalnya, aliran falsafah analitik condong kepada pendekatan positivisme logik. Aliran falsafah Continental pula cenderung menggunakan pendekatan sejarahisme (*historicism*). Walau bagaimanapun, terdapat persamaan dalam falsafah Barat tentang penerapan elemen empirikal. Misalnya, falsafah Jerman yang dipengaruhi oleh Kant dan Herder pada abad ke-18 menekankan bahawa metafizik tradisional yang mementingkan transenden mestilah digantikan dengan pengetahuan empirikal (Forster, 2010: 14).

Satu daripada isu metafizik moden ialah pengetahuan tentang perkara metafizik itu sendiri. Isu ini berkisar tentang persoalan cara sesuatu perkara atau benda itu diketahui dan sumber bagi cara tersebut. Oleh itu, muncul tiga aliran arus perdana, iaitu rasionalisme yang mengkagumi peranan akal sahaja; empirisisme yang bergantung pada peranan pengalaman semata-mata; serta gabungan rasionalisme (pentaakulan) dan empirisisme (pengalaman) untuk menentukan realiti sebenar atau kebenaran sesuatu perkara. Ketiga-tiga aliran berkenaan meremehkan peranan wahyu dan gerak hati yang dianggap tidak memiliki nilai empirikal.

Dalam falsafah Greek, Aristotle pernah memperkenalkan konsep ‘*priori*’ dan ‘*posteriori*.’ Dalam falsafah Barat moden, kedua-dua konsep berkenaan dilanjutkan pula oleh Hume (2007). Menurut beliau, *priori* ialah rangkaian idea. *Posteriori* pula ialah fakta atau realiti sebenar. Dalam bahasa Melayu, menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2025), *priori* merupakan pengetahuan yang diperoleh melalui tanggapan semata-mata bukannya pengamatan; atau penaakulan yang diperoleh hanya melalui deduksi seperti dalam logik (mantik) tulen. Deduksi bermaksud prinsip umum yang bergerak menuju pengkhususan tertentu. *Posteriori* pula ialah ilmu pengetahuan yang diperoleh daripada pengalaman yang terjadi lebih dahulu dan dapat diuji kebenarannya secara empirik untuk dijadikan bukti.

Konsep ‘*priori*’ dan ‘*posteriori*’ antara lain berfungsi memerihalkan kaedah pemerolehan pengetahuan lazim yang dilalui oleh manusia, menggambarkan kaedah berfikir tentang sesuatu benda atau perkara, serta menjelaskan jenis atau bentuk pengetahuan yang ada dalam minda manusia. Selain itu, konsep ini menghubungkan antara taakulan dengan pengalaman atau realiti. Tidak semua pengetahuan menepati pengalaman. Sesuatu yang zahir atau tersurat tidak semestinya sama dengan hakikat yang tersirat. Kant (1965) menamakan hubungan ini sebagai fenomena dan noumena. Fenomena ialah kewujudan yang dapat diperhatikan, manakala noumena ialah kewujudan yang tersendiri kerana keabstrakannya.

Metafizik dalam Falsafah Islam

Sebagai falsafah yang berteraskan agama, tujuan asas falsafah Islam adalah untuk membawa manusia mengenali Tuhan, sama ada dari segi kewujudan-Nya mahupun sifat-sifat-Nya. Satu daripada cabang falsafah Islam, matlamat utama metafizik Islam adalah untuk membuktikan kewujudan, keesaan dan keagungan Allah SWT. Falsafah Islam antara lain dicirikan oleh citra bangsa tempatan sehingga melahirkan falsafah berteraskan bangsa-agama, seperti falsafah Arab-Islam, falsafah Parsi-Islam dan falsafah Melayu-Islam. Sebagai contoh, falsafah Parsi-Islam menyumbang kepada kemunculan ramai ahli falsafah Islam melalui karya hebat mereka. Pada era kontemporari, salah seorang ahli falsafah Parsi-Islam ialah Seyyed Hossein Nasr (1992).

Antara ahli metafizik Islam terawal ialah Ibn Sina (t.t). Karya metafizik beliau berjudul *al-Isyarat wa al-Tanbihat* mengandungi empat bahagian, iaitu logik (*al-mantiq*), sains tabii (*al-tabi’iyyat*), teologi (*al-ilahiyyat*) dan tasawuf (*al-tasawwuf*). Antara ahli falsafah selepas beliau yang memberikan komen terhadap karya ini ialah Nasr al-Din al-Tusi. Bahagian keempat karya Ibn Sina, iaitu tasawuf merupakan bahagian yang paling menarik, meluas, kontroversi dan dialektik. Salah satu dialektik yang dimaksudkan ialah konsep *wahdah al-wujud* (kesatuan kewujudan) yang dikaitkan dengan pandangan tasawuf Ibn Arabi (1165-1240), iaitu “Tuhan wujud, Dia mesti dicari dan Dia mesti ditemui.”

Konsep Ibn Arabi ini ditolak dengan keras oleh Ibn Taimiyyah (1263-1328). Alasan utama penolakan ialah tasawuf bukan amalan sunah Rasulullah SAW dan banyak membuka jalan kepada bidaah dan khurafat. Agenda islah yang diperjuangkan oleh Ibn Taimiyyah bertujuan untuk mengembalikan amalan kehidupan masyarakat Islam berpandukan amalan asal Rasulullah SAW dan secara terang-terangan menolak amalan yang tidak pernah dipraktiskan oleh baginda. Agenda islah dinisbahkan sebagai fundamentalisme, yakni pengembalian semula amalan kehidupan kepada asas sebenar sepertimana pada zaman baginda.

Dari sisi lain, polemik tasawuf yang berlebihan dan berpanjangan sejak abad ke-14 hingga kini sedikit sebanyak melemahkan tumpuan terhadap logik, sains tabii dan teologi. Silap faham terhadap metafizik juga berlaku seolah-olah metafizik Islam itu hanyalah tasawuf sehingga memperlihatkan bahawa serangan terhadap tasawuf ialah serangan terhadap metafizik dan falsafah. Keadaan ini sering dikaitkan sebagai faktor yang memundurkan falsafah dan sains Islam sejak era kolonialisme pada ketika falsafah dan sains Barat keluar dari Zaman Gelap dengan memperkenalkan revolusi industri yang berasaskan sains, teknologi dan inovasi.

Metafizik dalam Falsafah Melayu

Metafizik falsafah Melayu ialah metafizik yang sebahagian besar epistemologinya bersumberkan metafizik Arab-Islam. Disebabkan oleh tumpuan berlebihan terhadap metafizik seperti yang telah disentuh sebelum ini, istilah metafizik falsafah Melayu disempitkan pengertiannya dan sering disalahertikan. Lazimnya, metafizik difahami sebagai perkara ghaib yang wajib diimani dengan isu dan persoalan ketuhanan dan kehidupan abadi di akhirat menduduki tempat teratas dan paling diberikan perhatian. Selain itu, metafizik Melayu memberikan fokus kepada tasawuf atau sufisme. Hal ini dapat dikaitkan dengan pandangan aliran Hamzah Fansuri pada abad ke-16 dan kritikan Nuruddin al-Raniri terhadap pandangan tersebut sekitar abad ke-17.

Penyempitan pengertian dan penyalahertian metafizik menyebabkan topik-topik lain dalam metafizik, seperti fenomena perubahan, kewujudan, kemenjadian dan realiti dalam ontologi, taakulan dan pengalaman, sebab dan akibat, serta hukum alam dalam kosmologi dikesampingkan. Pada masa yang sama pula, persoalan dalam tasawuf, seperti konsep *wahdah al-wujud* dan *wahdah al-syuhud* yang menjadi isu dialektik metafizik antara Hamzah Fansuri dan Nuruddin al-Raniri terus berpanjangan sehingga hari ini.

Di tengah-tengah kontroversi dialektik tersebut, konsep *wahdah al-wujud* difatwakan sebagai menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan bertentangan dengan ajaran Islam oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-48 yang bersidang pada 3 April 2000 (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015). Konsep itu turut ditolak oleh kelompok

antitasawuf yang menisbahkan diri mereka sebagai Salafi. Walau bagaimanapun, konsep tasawuf tauhid yang digagaskan oleh Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali diterima sebagai aliran dan pegangan tasawuf majoriti masyarakat Islam Malaysia.

Falsafah Arab-Islam meninggalkan pengaruh yang besar terhadap metafizik Melayu. Terdapat pandangan yang menghujahkan bahawa jika metafizik difahami sebagai asas utama ilmu tasawuf, maka cabang falsafah ini merupakan cabang yang paling ketara mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Melayu berbanding dengan cabang falsafah yang lain, sama ada falsafah tulen, seperti epistemologi, logik, etika dan estetika mahupun falsafah terapan, seperti falsafah agama, falsafah sains, falsafah matematik, falsafah bahasa dan falsafah politik (Idris Zakaria, 2000).

Faktor kelewatan falsafah Melayu menekuni metafizik dalam pengertian yang luas dan tidak disalahertikan sering dihubungkan dengan kritikan al-Ghazali (1992) terhadap bahaya dan kesesatan falsafah. Oleh hal yang demikian, dari segi kualiti dan kuantiti kajian metafizik dalam falsafah Melayu, kemunculan tokoh metafizik Melayu yang menyambung usaha al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina, al-Ghazali dan Ibn Rusyd dalam falsafah Islam serta Aristotle, Hume, Kant dalam falsafah Barat masih dinantikan. Selanjutnya, dua karya berkatakuncikan metafizik daripada dua jalur aliran falsafah Melayu yang berbeza diulas. Pertama, karya Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995) yang mewakili fundamentalisme, dan kedua, karya Khalid Jaafar (2009) yang cenderung kepada pluralisme.

Karya al-Attas (1995) berjudul *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam* boleh dianggap sebagai adikarya metafizik Melayu-Islam. Adikarya tersebut mengangkat persoalan kemunduran umat Islam yang menurut al-Attas terletak pada persoalan ilmu, bukan syariah mahupun politik. Kemunduran tersebut adalah disebabkan oleh kerosakan ilmu. Maksud kerosakan ilmu ialah kualiti ilmu yang kini beredar di seluruh dunia sebenarnya tidak neutral dan diresapi oleh karakteristik peradaban Barat yang bermasalah. Hal ini diungkapkan dalam beberapa bahagian buku tersebut, seperti Pengenalan, Bab 1, Bab 2 dan Bab 3. Permasalahan yang timbul akibat kerosakan ini ialah pemahaman epistemologi Islam yang diperdaya oleh slogan objektiviti dan ilmiah yang menjadikan umat Islam tidak kritis dalam menerima ilmu Barat. Kerangka metafizik al-Attas (1995) ini kemudiannya dikembangkan oleh beberapa pengkaji falsafah Melayu. Antara yang dimaksudkan termasuklah Khayrurrijal (2021) yang meneliti keupayaan rasional manusia untuk mengetahui dan membezakan hakikat daripada bukan hakikat, kebenaran daripada kebatilan, dan kejujuran daripada kesesatan. Selain itu, Dayang Nurhazieqa Hamzani (2024) mengkaji sifat hubungan jiwa dan jasad dalam tradisi metafizik Wujūdiyyah Ṣūfī yang terkandung dalam kerangka metafizik tersebut.

Khalid Jaafar (2009: hlm. 16–39) pula menulis mengenai isu metafizik dalam kosmopolitansime. Isu yang dimaksudkan berlegar seputar status kewarganegaraan,

hak asasi manusia, identiti masyarakat dan negara, serta kesan sosial, politik dan kebudayaan yang wujud bersama-sama kelompok penghijrah dari Asia dan Afrika yang berbondong-bondong membanjiri Amerika Syarikat, negara-negara Eropah dan juga Malaysia sejak beberapa dekad kebelakangan ini. Keberadaan kelompok penghijrah berlatarbelakangkan budaya, agama dan bahasa yang berbeza dengan masyarakat tempatan membawa kepada pelbagai persoalan lain, seperti keupayaan kelompok penghijrah menyesuaikan diri dengan citra tempatan dan juga tahap kesediaan warga tempatan menerima kehadiran kelompok penghijrah dengan terbuka. Tanpa keupayaan menyesuaikan diri dan tanpa kesediaan menerima oleh kedua-dua belah pihak, kehidupan yang tenteram, sejahtera dan produktif tidak dapat dicapai. Halangan utama ialah prejudis, fobia serta cabaran pemikiran eksklusif, seperti konsep ketuanan yang berpihak kepada warga tempatan. Di Malaysia, jalan keluar kepada halangan ini yang dicadangkan ialah toleransi yang berlandaskan perspektif metafizik, iaitu peranan semua agama yang Khalid Jaafar (2009: 39) anggap sama untuk memupuk toleransi dalam kalangan masyarakat berbilang agama dan etnik.

Fungsi Peribahasa Melayu dan Pengungkapan Metafizik

Subbahagian ini dibahagikan kepada dua sorotan kajian lepas, iaitu fungsi peribahasa Melayu dan pengungkapan metafizik dalam peribahasa Melayu.

Fungsi Peribahasa Melayu

Menurut Pendeta Za'ba (2002: 170), peribahasa ialah:

“...segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya – dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran. Maka ialah juga yang dikatakan bidalan, pepatah, perbilangan, dan perumpamaan – kerana tiap-tiap satu ini cakap yang mengandungi segala sifat-sifat peribahasa yang telah disebutkan itu. Hanya bezanya antara satu-satu itu:...”

Muhammad Haji Salleh (2020: 8) memerihalkan ciri peribahasa yang banyak menggunakan unsur puisi. Kepuisian peribahasa ditandai oleh bentuk yang singkat, unsur bunyi yang teliti, pemilihan kata yang tepat, struktur ayat yang padat dan jaringan makna yang berkesan. Muhammad Haji Salleh (2020: hlm. 9–17) juga menggariskan fungsi peribahasa seperti yang berikut:

1. Cara berkomunikasi melalui kehalusan ibarat dan kiasan.
2. Menyimpan adat dan undang-undang masyarakat.
3. Medan penghujahan dan penegasan kebijaksanaan.
4. Pengatur perjalanan masyarakat.
5. Ensiklopedia rujukan nilai, cara, adat dan hukum.

6. Alat penghalus bahasa dan jawapan.
7. Pemanis bahasa atau ucapan.
8. Renungan tentang perjalanan alam, tabiat manusia, nasib, takdir, hasrat dan keinginan.
9. Rakaman pengalaman agama, keadilan, kepimpinan dan kematian.

Bagaimanakah peribahasa dicipta? Menurut Muhammad Haji Salleh (2020: 11), melalui pemerhatian terhadap alam oleh beberapa orang manusia awal, mereka melihat pola alam tersebut, membaca maksud peristiwanya, mentafsirkannya dan menarik makna peribadi atau maksud sepunya daripadanya. Pencipta peribahasa pula terdiri daripada pelbagai kelompok dan kelas sosial. Muhammad (2020: 12) memberikan bayangan kelompok tersebut kepada nelayan, petani, pemburu, pedagang, pelaut, penghulu, tukang kayu, penenun, penjahit, penyabung ayam, suri rumah dan pasangan bercinta. Mereka merupakan pencipta bersama peribahasa.

Kawasan penyebaran peribahasa pula bersifat pelbagai hala dari segi sumber dan sasaran penyebarannya. Peribahasa dibawa dari pulau ke pulau atau dari negeri ke negeri. Misalnya, dari Muar ke Melaka pada abad ke-15; dan kemudiannya tersebar sehingga ke Riau dan tempat lain (Muhammad, 2020: 13). Peribahasa dikategorikan sebagai sastera lisan kerana dihafal dan diingat. Setelah berpuluh kurun lamanya dalam bentuk lisan, peribahasa mengalami transformasi ke bentuk tulisan. Peribahasa turut mendapat tempat dalam penulisan dan dinukilkan dalam *Sulatat al-Salatin* dan beberapa hikayat Melayu (Muhammad, 2020: 15).

Cakupan tema dan kandungan makna peribahasa Melayu adalah pelbagai di samping isinya yang padat, beraneka ragam, malahan boleh dikatakan merangkumi semua aspek hidup seharian dan juga dunia ghaib, alam haiwan dan botani (Ding, 2009: 7). Ciri-ciri keindahan dalam peribahasa pula memperlihatkan kekayaan, kehalusan dan keluwesannya masyarakat Melayu yang dituangkan melalui bahasa mereka. Selain itu, kesejajaran antara ungkapan dan rima meningkatkan lagi tahap kerumitan struktur peribahasa Melayu (Ismet & Rebecca, 2003: 72).

Sebahagian besar kajian tentang peribahasa adalah berlatarbelakangkan permasalahan dan penyelesaian linguistik dan sastera, seperti pengukuran kefahaman terhadap maksud peribahasa, fungsi peribahasa dan perubahan makna dalam peribahasa. Kajian yang menghubungkan peribahasa dan falsafah walau bagaimanapun masih kecil bilangannya; justeru kekurangan tersebut perlu ditampung oleh kajian falsafah.

Pengungkapan Metafizik dalam Peribahasa Melayu

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, cakupan metafizik sangat luas meliputi ontologi, teologi, kosmologi, psikologi dan sains tabii. Kajian yang menghimpunkan kesemua cabang metafizik ini dan menghubungkannya dengan peribahasa Melayu

masih belum dijalankan dengan giat, menyeluruh dan terancang. Meskipun begitu, terdapat sebilangan kecil kajian yang secara khusus menghubungkan ontologi dan psikologi (serta logik) dengan peribahasa.

Umpamanya, kajian Julaina Nopiah, et al. (2022) membincangkan pemilihan objek dalam hubungannya dengan makna peribahasa berdasarkan konsep abstrak dan konkrit dalam ontologi gastronomi. Objek, makna dan kesan pemakanan jelas terpapar pada makna keseluruhan peribahasa yang mereka kaji. Misalnya, objek daging, madu dan herba yang berkaitan dengan makanan berunsur panas; manakala pisang, delima dan timun pula mempunyai unsur sejuk. Kewujudan unsur-unsur berkenaan memberi kesan positif dan negatif dari segi kesan pemakanan. Kesan yang dimaksudkan ialah kesan yang dibentuk oleh akal budi dan pemikiran Melayu. Misalnya, makanan berunsur panas dipercayai boleh membawa refleksi hasad dengki, sementara makanan berunsur sejuk sebaliknya berpotensi membawa refleksi kegembiraan.

Selain itu, kajian psikologi (dan logik) dalam peribahasa dilakukan oleh Lim Kim Hui (2003). Beliau menampilkan keunikan hubungan sintesis metafizik, logik, psikologi dan epistemologi dalam peribahasa Melayu. Kajian beliau mendapati kaedah penghujahan orang Melayu lebih bersifat monolektikal, yakni non-dialektikal. Di samping wujudnya rasionaliti logik sosial yang mewakili wilayah minda, karya keperibasaan Melayu ternyata turut mengandungi unsur-unsur emosi yang agak kuat dengan hati yang biasanya digunakan sebagai sumber perasaan. Seni penghujahan ditentukan oleh kepintaran pengucap dalam mensintesis keharmonian antara akal budi dengan hati budi. Dengan yang demikian, tahap keunggulan minda Melayu atau cara meleraikan percanggahan pendapat (hujahan) adalah cara dalil dan emosi dapat bekerjasama di bawah pengantaraan budi. Orang yang dapat meningkatkan diri ke arah mencapai kemuncak tahap keunggulan ini adalah seorang budiman (manusia berhikmah). Kajian ini mengusulkan bahawa “teori budi dan rangkaiannya” sepatutnya dijadikan wadah oleh para penyelidik yang berminat untuk mengetahui minda Melayu umumnya atau memahami logik, retorik dan falsafah Melayu khususnya yang terkandung dalam peribahasa Melayu.

Lim Kim Hui dan Har Wai Mun (2014: 82–85) pula mengupas kewujudan empat elemen utama perkaedahan peribahasa Melayu, iaitu logika, rasionalisasi, falasi dan prejudis. Dalam kaedah logika, terdapat penggunaan analogi, autoriti dan lain-lain oleh pencipta peribahasa, contohnya peribahasa “bagai kacang lupakan kulit.”. Rasionalisasi sebaliknya memaparkan sikap pendalihan, iaitu mencari alasan yang boleh diterima bagi menggantikan sebab sebenar, seperti dalam peribahasa “hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.” Falasi pula memperlihatkan kelemahan dalam pendalilan, seperti yang terkandung peribahasa “mandi tak basah” kerana realitinya adalah mustahil mandi boleh mengakibatkan ketidakbasahan. Melalui kaedah prejudis, wujud sikap membuat pertimbangan

dan hukuman secara terburu-buru dan berat sebelah, misalnya prejudis kaum dalam peribahasa “Cina mati kerana wang, Belanda mati kerana pangkat, Melayu mati kerana berangan-angan.”

METODOLOGI

Kajian ini ialah kajian teks. Data yang ditekuni ialah 10 teks peribahasa Melayu yang mewakili lima konsep metafizik, iaitu perubahan, taakulan dan pengalaman, sebab dan akibat, hukum alam serta masa dan ruang. Semua peribahasa berkenaan berserta nombor, halaman dan makna setiap satu diperoleh daripada *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* susunan Abdullah Hussain (1989). Semua peribahasa berkenaan kemudiannya diberikan padanan dengan konsep metafizik berdasarkan ciri leksikal dan maknanya yang digaris seperti dalam Jadual 1.

Misalnya, dalam peribahasa pertama, iaitu “Ibarat pasir; sekali air dalam sekali berubah,” makna yang diberikan oleh Abdullah Hussain (1989: 87) ialah “Rakyat jelata terpaksa menurut perubahan pada tiap-tiap kali pemerintah bertukar.” Ciri leksikal perubahan dalam peribahasa ini, iaitu “...sekali berubah” dipadankan dengan makna yang diberikan, iaitu “...perubahan pada tiap-tiap kali pemerintah bertukar.” Dengan kesesuaian pemadanan tersebut, peribahasa tersebut dianggap mengandungi konsep perubahan.

Jadual 1 Peribahasa, makna dan konsep metafizik dalam Abdullah Hussain (1989).

Bil.	Peribahasa	Makna	Nombor, Halaman	Konsep Metafizik
1.	Ibarat pasir; sekali air dalam sekali <u>berubah</u>	Rakyat jelata terpaksa menurut <u>perubahan pada tiap-tiap kali pemerintah bertukar.</u>	1597, halaman 8	Perubahan
2.	Patah tumbuh, hilang <u>berganti</u>	<u>Terus-menerus ada gantinya</u>	2975, halaman 162	
3.	Indah <u>khabar</u> daripada rupa	<u>Perkhabaran</u> selalu dilebih-lebihkan daripada <u>keadaan yang sebenarnya.</u>	1620, halaman 88	Taakulan

Sambungan Jadual 1 Peribahasa, makna dan konsep metafizik dalam Abdullah Hussain (1989).

Bil.	Peribahasa	Makna	Nombor, Halaman	Konsep Metafizik
4.	<u>Disangka</u> panas sampai ke petang, <u>kiranya</u> hujan tengah hari	<u>Disangka</u> akan baik atau mulia selama-lamanya, tetapi <u>tiba-tiba</u> ditimpa bahaya, sehingga jatuh melarat	1253, halaman 67	Taakulan
5.	Jika <u>tidak dipecah</u> ruyung, di <u>mana</u> boleh mendapat sagu	<u>Tak akan tercapai</u> maksudnya <u>kalau tidak</u> mahu berusaha dan bersusah payah	1752, halaman 96	Sebab dan akibat
6.	<u>Ada</u> gula, <u>ada</u> semut.	Di tempat orang <u>mudah</u> mendapat rezeki, <u>banyak</u> orang berkumpul.	10, halaman 1	
7.	<u>Sepandai-pandai</u> tupai melompat, <u>sekali</u> gawal juga	<u>Sepandai-pandai</u> orang, <u>ada kalanya salah</u> juga	3384, halaman 184	Hukum alam
8.	Pelanduk <u>melupakan</u> jerat, tetapi jerat <u>tidak melupakan</u> pelanduk	Bahaya yang <u>senantiasa</u> mengancam.	2992, halaman 163	
9.	Berakit-rakit ke <u>hulu</u> , berenang-renang ke <u>tepi</u> ; bersakit-sakit <u>dulu</u> , bersenang-senang <u>kemudian</u>	Supaya mendapat <u>kesenangan</u> <u>kelak</u> , harus berani <u>bersusah payah dahulu</u>	658, halaman 34	Ruang dan masa
10.	Sesal <u>dulu</u> pendapatan, sesal <u>kemudian</u> tiada berguna	Fikirlah masak-masak <u>sebelum</u> berbuat sesuatu supaya jangan menyesal	754, halaman 40	Masa

Pemilihan 10 peribahasa dalam Jadual 1 adalah atas justifikasi keluasan penggunaannya. Peribahasa berkenaan dapat ditemukan dalam banyak tulisan, termasuklah dalam buku teks pelajar sekolah menengah. Dalam bahagian analisis, setiap peribahasa diringkaskan menjadi P1 (peribahasa pertama) dan seterusnya hingga P10 (peribahasa kesepuluh).

Dari segi tatacara analisis, struktur makna metafizik dalam peribahasa berkenaan dijelaskan terlebih dahulu dengan merujuk makna yang dinyatakan oleh Abdullah Hussain (1989) berpandukan teori atau pendekatan metafizik Barat. Setelah itu, pembentukan konsep metafizik dalam peribahasa tersebut dibincangkan merangkumi tujuan penciptaan dan penginterpretasiannya dengan merujuk teori atau pendekatan metafizik Barat yang sama. Teori metafizik lain dalam falsafah *continental* atau falsafah Islam tidak diterapkan kerana analisis makalah ini bertujuan untuk membuat

pemerihalan kewujudan pelbagai konsep metafizik dalam peribahasa Melayu, dan bukannya membuat perbandingan penginterpretasian dalam kalangan ahli falsafah atau aliran falsafah.

Konsep perubahan dikupas berdasarkan teori *flux* yang dikemukakan oleh Heraclitus, iaitu ahli falsafah Yunani pra-Socrates. Teori *flux* mencadangkan bahawa kehidupan ialah perubahan kerana setiap benda sentiasa berubah; misalnya disebabkan oleh perubahan masa yang melatarinya (Mark, 2020). Konsep taakulan dan pengalaman dibincangkan menggunakan pendekatan *priori* dan *posteriori* Hume (2000) dalam *An Enquiry Concerning Human Understanding*. Istilah *priori* dan *posteriori* asalnya diperkenalkan oleh Aristotle dalam *Organon* (Smith, 2022). Analitik *priori* menurut Aristotle ialah logik deduktif, manakala analitik *posteriori* ialah logik induktif. Hume menambah baik konsep ini dengan mencadangkan jalinan idea bagi *priori* sementara fakta atau realiti sebenar bagi *posteriori*.

Konsep sebab dan akibat memanfaatkan pendekatan korolari Hume (2007) dalam *A Treatise of Human Nature*, iaitu sesuatu yang wujud yang menyebabkan kewujudan sesuatu yang lain. Konsep korolari asalnya diketengahkan oleh Aristotle dalam *Organon* (Smith, 2022). Konsep hukum alam pula menerapkan pandangan hubungan berterusan Hume (2007) daripada buku yang sama, yakni ketetapan alami yang merujuk sesuatu fenomena yang mengikut ketetapan alam secara berperaturan. Akhir sekali, konsep masa dan ruang merujuk teori Aristotle dalam *Delta of the Physics*. Teori ini mengusulkan bahawa dalam setiap perubahan, terdapat tempoh masa dan ruang yang melibatkan tiga pergerakan, iaitu benda yang berubah, keadaan asal sebelum perubahan dan keadaan akhir setelah perubahan (Shields, 2023).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Sejajar dengan dua objektif makalah ini, bahagian ini dibahagikan kepada dua subbahagian analisis, iaitu struktur makna metafizik dalam peribahasa Melayu dan pembentukan konsep metafizik dalam peribahasa Melayu. Selepas dua subbahagian analisis, disediakan pula subbahagian perbincangan.

Struktur Makna Metafizik dalam Peribahasa Melayu

Semua peribahasa yang dianalisis mengandungi struktur makna yang sistematik, halus, unik, menarik dan mempunyai kesejajaran ungkapan dan makna dengan lima konsep metafizik seperti dalam penjelasan yang berikut.

Konsep Perubahan

Konsep metafizik dalam P1 berkisar tentang perubahan yang berlaku dalam kehidupan. Makna perubahan distrukturkan melalui simile leksikal pasir dan air. Sifat pasir yang boleh diubah atau berubah dipadankan dengan sifat air yang boleh berubah dan juga

boleh mengubah. Subjek utama dalam struktur makna P1 ialah pasir yang diberikan gambaran perubahan kedudukannya akibat daripada perubahan pergerakan air.

	Peribahasa	Makna
P1	Ibarat pasir; sekali air dalam <u>sekali berubah</u>	Rakyat jelata terpaksa menurut <u>perubahan pada tiap-tiap kali pemerintah bertukar.</u>

Dari segi makna, subjek utama ialah perubahan yang dihadapi oleh rakyat jelata. Abdullah Hussain (1989: 87) mengibaratkan rakyat jelata seperti pasir yang boleh diubah secara paksa, di samping mengibaratkan pemerintah sebagai pengubah yang mempunyai kuasa dalam membuat perubahan. Setiap kali pemerintah bertukar, maka setiap kali juga rakyat terpaksa akur dengan perubahan yang dilakukan oleh pemerintah.

Dalam P2 pula, konsep perubahan diperihalkan melalui hubungan dalam sebuah proses, pergerakan atau kitaran. Struktur makna bermula dengan satu kewujudan yang kemudiannya disusuli dengan kerosakan dan kemusnahan. Seterusnya, kerosakan dan kemusnahan tersebut melalui proses atau kitaran untuk kembali kepada kewujudan semula.

	Peribahasa	Makna
P2	Patah tumbuh, hilang <u>berganti</u>	<u>Terus-menerus ada gantinya</u>

Pentamsilan pokok yang patah dan kemudiannya tumbuh semula bersama-sama dengan pentamsilan sesuatu yang hilang dan kemudiannya digantikan dengan sesuatu yang baharu yang sama nilainya digunakan. Setiap yang patah akan tumbuh kembali dan setiap yang hilang akan ada penggantinya. Proses atau kitaran kewujudan semula juga boleh dimaknakan sebagai fenomena berterusan. Seperti yang Abdullah Hussain (1989: 162) gambarkan, terdapat benda atau perkara yang berubah yang mempunyai penerusan yang konsisten, yakni wujudnya kesinambungan proses penggantinya sepanjang perubahannya.

Konsep Taakulan dan Pengalaman

Konsep metafizik dalam P3 adalah tentang peranan taakulan dan pengalaman dalam memahami dan menentukan realiti sebenar yang berlaku dalam kehidupan. Makna taakulan didahulukan daripada makna pengalaman. Oleh itu, makna yang berdasarkan taakulan wujud terlebih dahulu dan berada di hadapan makna yang berdasarkan pengalaman. Dengan erti kata lain, pentaakulan berlaku lebih awal sebelum pengalaman.

Peribahasa	Makna
P3 Indah <u>khobar</u> daripada <u>rupa</u>	<u>Perkhabaran</u> selalu <u>dilebih-lebihkan</u> daripada <u>keadaan yang sebenarnya</u> .

Khabar dalam P3 ialah perkhabaran yang berbentuk jalinan idea dalam taakulan yang diberikan sifat indah bagus baik (Abdullah Hussain, 1989: 88). Namun begitu, realiti sebenar adalah sebaliknya kerana khabar yang indah itu disampaikan dalam bentuk yang dilebih-lebihkan, tidak wujud dalam bentuk sepenuhnya atau sepadan dengannya sepertimana yang dikhabarkan. Realiti sebenar tersebut distrukturkan sebagai ‘rupa’, yakni fenomena yang dapat diperhatikan berdasarkan bentuk fizikal, sifat, paras atau ketampakkannya.

Dalam P4 pula, konsep metafiziknya adalah tentang batasan taakulan dalam menghadapi pengalaman dan realiti sebenar. Sangkaan ialah jalinan idea dalam taakulan yang mempunyai had batasannya kerana dibina berdasarkan pengetahuan semata-mata, yang terdedah kepada kesilapan dan perbezaan dengan realiti sebenar.

Peribahasa	Makna
P4 <u>Disangka panas</u> sampai ke <u>petang</u> , <u>kiranya</u> hujan <u>tengah hari</u>	<u>Disangka akan baik atau mulia selama-lamanya</u> , tetapi <u>tiba-tiba ditimpa bahaya</u> , sehingga jatuh melarat

Hal ini dikatakan demikian kerana sangkaan tidak berupaya menjangkau realiti sebenar yang berlaku di luar kemampuannya. Sangkaan dan realiti sebenar boleh berbeza-beza dan tidak sepadan (Abdullah Hussain, 1989: 67). Sangkaan kewujudan keadaan baik yang kekal selama-lamanya boleh bertukar atau berubah sekelip mata menjadi realiti kewujudan dalam keadaan buruk yang berlaku di luar jangkaan. Struktur makna dalam P4 adalah sehala kerana mengandungi pengajaran bahawa sangkaan yang positif boleh bertukar menjadi realiti yang negatif. Metafora panas dan kebaikan atau kemuliaan yang digandingkan dengan metafora hujan dan bahaya ialah gambaran bahawa pengetahuan yang ada dalam minda tidak semestinya sama dengan realiti dalam dunia sebenar.

Konsep Sebab dan Akibat

Konsep metafizik dalam P5 ialah sebab dan akibat. Sebab ialah sesuatu yang mengakibatkan kewujudan sesuatu yang lain. Tanpa kewujudan sesuatu tersebut, maka tidak akan wujud sesuatu yang lain. Dengan erti kata lain, terdapat elemen pendahulu yang membawa kepada kewujudan elemen terkemudian. Metafora ruyung yang dipecahkan untuk mendapatkan sagu bermakna bahawa pemecahan ruyung perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum sagu dapat dikeluarkan.

	Peribahasa	Makna
P5	Jika <u>tidak dipecah</u> ruyung, di <u>mana boleh</u> mendapat sagu	<u>Tak akan tercapai</u> maksudnya kalau <u>tidak mahu</u> berusaha dan bersusah payah

Makna tersirat di balik P5 ialah sesuatu hajat tidak akan dapat dicapai tanpa usaha bersungguh-sungguh dan kesabaran dalam menempuh kesukaran (Abdullah Hussain, 1989: 96). Oleh hal yang demikian, usaha bersungguh-sungguh dan kesabaranlah yang menjadikan atau menyebabkan hajat tercapai. Struktur makna peribahasa ini adalah bersyarat kerana mengandungi mesej bahawa usaha bersungguh-sungguh merupakan syarat untuk nencapai sesuatu maksud yang dihajati.

Dalam P6, konsep metafiziknya ialah '*korolari*,' iaitu sesuatu yang wujud ekoran wujudnya sesuatu yang lain sebelumnya. Konsep sebab dan akibat ini menghubungkan dua elemen yang saling berkaitan daripada punca sebenar. Metafora yang digunakan ialah gula yang merujuk tempat orang mendapat rezeki dengan mudah, yang digandingkan dengan semut yang merujuk orang ramai berkumpul.

	Peribahasa	Makna
P6	<u>Ada</u> gula, <u>ada</u> semut.	Di tempat orang <u>mudah</u> mendapat rezeki, <u>banyak</u> orang berkumpul

Gula dikenal pasti sebagai punca sebenar yang menyebabkan kehadiran semut. Makna yang diberikan, iaitu lokasi strategik ialah daya penarik yang menjadi penyebab kehadiran orang ramai untuk berkumpul (Abdullah Hussain, 1989:1) atas pelbagai tujuan, terutamanya aktiviti perniagaan. Struktur makna P6 boleh ditafsirkan sebagai bersyarat tersirat, yakni dengan andaian terdapat kata 'kalau' yang digugurkan dalam struktur asalnya, iaitu "kalau ada gula, adalah semut" atau terdapat frasa 'di mana' yang dihilangkan dalam struktur asalnya, iaitu "di mana ada gula, adalah semut."

Konsep Hukum Alam

Konsep hukum alam berbentuk hubungan berterusan yang bersifat universal yang terkandung dalam P7. Fenomena ini merujuk perbuatan melompat dan kesilapan melompat, iaitu gawal yang natijahnya ialah jatuh, lompatan dan kejatuhan merupakan hubungan berterusan yang berlaku pada ketika tertentu.

	Peribahasa	Makna
P7	<u>Sepandai-pandai</u> tupai melompat, <u>sekali</u> gawal juga	<u>Sepandai-pandai</u> orang, <u>ada</u> <u>kalanya</u> <u>salah</u> juga

Makna yang dirujuk dalam P7 ialah manusia yang bijak dan berhati-hati sekalipun pada ketika tertentu boleh melakukan kesilapan (Abdullah Hussain, 1989: 184). Hukum alam di sini ialah manusia sekalipun yang paling bijak dan sering berhati-hati, tetapi oleh sebab sifatnya yang pelupa dan tidak sempurna akan sentiasa terdedah kepada kesilapan.

Dalam P8 pula, sudah menjadi hukum alam bahawa manusia sentiasa terdedah kepada bahaya. Hal ini demikian kerana bahaya dianggap ujian yang manusia perlu lalui dalam meneruskan kelangsungan hidupnya. Oleh itu, cara terbaik untuk menangani bahaya adalah dengan mengelakkan diri daripadanya atau membuat persediaan sewajarnya, seperti bahaya banjir dan bencana alam yang lain.

	Peribahasa	Makna
P8	Pelanduk <u>melupakan</u> jerat, tetapi jerat <u>tidak melupakan</u> pelanduk	Bahaya yang <u>senantiasa</u> mengancam.

Pengajaran daripada P8 ialah manusia mesti sentiasa berwaspada dan tidak boleh lalai daripada ancaman bahaya (Abdullah Hussain, 1989: 163) dalam menjalani kehidupan. Terdapat metafora pelanduk dan jerat yang digunakan, iaitu pelanduk merujuk manusia yang ada kalanya pelupa manakala jerat merujuk bahaya yang sentiasa mengancam. Metafora tersebut merupakan hubungan berterusan dalam hukum alam. Dari segi struktur makna, P8 memperlihatkan kewujudan dua perkara yang bertentangan secara serentak dan berterusan, iaitu lupa dan ingat (tidak lupa) melalui kata penghubung ‘tetapi.’

Konsep Ruang dan Masa

Konsep ruang dan masa dikemukakan dalam P9 untuk menunjukkan kewujudan arah tuju dan jarak masa dalam pemikiran masyarakat Melayu. Konsep ruang ialah hulu dan tepian, manakala konsep masa ialah dulu dan kemudian. Ruang dan masa tersebut juga diisi oleh proses dan pergerakan, iaitu berakit-rakit dan berenang-renang, serta bersakit-sakit dan bersenang-senang.

	Peribahasa	Makna
P9	Berakit-rakit ke <u>hulu</u> , berenang-renang ke <u>tepi</u> ; bersakit-sakit dulu, bersenang-senang <u>kemudian</u>	Supaya mendapat <u>kesenangan kelak</u> , harus berani <u>bersusah payah dahulu</u>

Walau bagaimanapun, makna yang diberikan oleh Abdullah Hussain (1989: 34) adalah berkenaan dengan masa, iaitu masa dahulu dan masa hadapan. Keadaan senang pada masa hadapan dipengaruhi oleh keadaan susah atau pengorbanan pada masa dahulu.

P9 juga mengandungi struktur makna pengharapan di sebalik kata ‘supaya,’ iaitu dalam mengisi cabaran ruang dan masa yang rumit dan tidak pasti, kesukaran diharapkan digantikan dengan kesenangan.

Dalam P10 pula, konsep masa ditunjukkan melalui pergerakan mengufuk masa, iaitu dulu, kini dan akan datang. Sama seperti P9, masa dahulu mempengaruhi hasil pada masa terkemudian atau pada masa akan datang.

	Peribahasa	Makna
P10	Sesal <u>dulu</u> pendapatan, sesal <u>kemudian</u> tiada berguna	Fikirlah masak-masak sebelum berbuat sesuatu <u>supaya</u> <u>jangan</u> menyesal

Makna yang diberikan merupakan peringatan dan panduan bahawa tindakan yang dilakukan pada masa dahulu atau hari ini mempunyai hubungan dengan hasilnya pada masa hadapan (Abdullah Hussain, 1989: 40). Oleh itu, perancangan strategik yang mengambil kira semua aspek adalah penting dalam menghubungkan pergerakan masa dari masa dulu, masa kini dan masa hadapan. Perancangan strategik juga merangkumi penilaian risiko dan juga kesan yang diramalkan berlaku pada masa akan datang dengan mengambil kira senario dalam sejarah dahulu dan sekarang.

Pembentukan Konsep Metafizik dalam Peribahasa Melayu

Semua peribahasa yang dianalisis mewakili variasi lima konsep metafizik yang berbeza. Pembentukan setiap konsep adalah seperti dalam penjelasan berikut.

Konsep Perubahan

Jika konsep “kehidupan ialah perubahan” dalam teori *flux* Heraclitus dijadikan sandaran, konsep metafizik dalam peribahasa Melayu juga sejajar dengan fenomena perubahan tersebut dalam menilai kewujudan dan proses menuju kewujudan. Dalam P1 dan P2, perubahan diperihalkan sebagai fenomena yang dapat diperhati dan difahami. Perubahan berlaku seiring dengan perkembangan kehidupan sama ada disadari atau sebaliknya. Terdapat tiga elemen perubahan, iaitu benda atau perkara yang berubah, keadaan sebelum perubahan dan keadaan selepas perubahan.

	Peribahasa	Makna
P1	Ibarat pasir; sekali air dalam sekali berubah	Rakyat jelata terpaksa menurut <u>perubahan pada tiap-tiap kali pemerintah bertukar.</u>

Dalam P1, perkara yang berubah ialah pasir atau rakyat jelata yang diperihalkan dalam dua keadaan, iaitu sebelum dan selepas perubahan, yakni selepas setiap kali dilanda air dalam atau setiap kali berlaku pertukaran pemerintah.

	Peribahasa	Makna
P2	Patah tumbuh, hilang berganti	<u>Terus menerus ada gantinya</u>

Dalam P2 pula, perkara yang berubah ialah pokok, yang mempunyai dua keadaan. Pertama, sebelum perubahan, iaitu patah; dan kedua, selepas perubahan, iaitu tumbuh semula. Metafora sifat pokok yang sentiasa berubah menjadi cerminan realiti kehidupan.

Konsep Taakulan dan Pengalaman

Dalam P3 dan P4, terkandung konsep '*priori*' dan '*posteriori*' yang wujud dalam pemikiran Melayu. Hubungan '*priori*' sebagai taakulan atau pengetahuan dan '*priori*' sebagai pengalaman sebenar yang dikenali juga sebagai hubungan idea dan fakta seperti yang diperihalkan oleh Hume (2000) ini berlegar sekitar konsep abstrak dan realiti nyata.

	Peribahasa	Makna
P3	Indah <u>khobar</u> daripada <u>rupa</u>	<u>Perkhabaran</u> selalu dilebih-lebihkan daripada <u>keadaan</u> yang sebenarnya
P4	<u>Disangka</u> panas sampai ke petang, kiranya hujan tengah hari	<u>Disangka</u> akan baik atau mulia selama-lamanya, tetapi <u>tiba-tiba</u> ditimpa bahaya, sehingga jatuh melarat

Konsep ini antara lain berfungsi memerihalkan kaedah pemerolehan pengetahuan lazim yang dilalui oleh manusia, menggambarkan kaedah berfikir tentang sesuatu benda atau perkara, serta menjelaskan jenis atau bentuk pengetahuan yang ada dalam minda manusia. Lebih menarik, selain memaparkan bahawa konsep berkenaan wujud dalam metafizik Melayu, P3 dan P4 juga memperlihatkan bahawa jalinan idea dalam taakulan tidak semestinya sentiasa sejajar dan menepati realiti. Dalam keadaan tertentu, idea dalam pemikiran jauh berbeza dengan fakta yang realistik. Dalam P4, cuaca panas hingga ke petang dibentuk oleh pengetahuan (sangkaan) yang terbatas yang tidak mampu menjangkau realiti kehadiran hujan secara tiba-tiba.

Konsep Sebab dan Akibat

Dalam P5 dan P6, terdapat konsep ‘*korolari*’ yang membentuk satu pertalian antara dua perkara atau benda asas, iaitu kewujudan yang pertama menyebabkan kewujudan yang kedua. Dengan erti kata lain, sepertimana usul yang ditawarkan oleh Hume (2007), tanpa yang pertama, tidak wujud yang kedua.

	Peribahasa	Makna
P5	Jika <u>tidak dipecah ruyung</u> , di <u>mana boleh</u> mendapat sagu	Tak akan tercapai maksudnya <u>kalah</u> <u>tidak</u> mahu berusaha dan bersusah payah
P6	<u>Ada</u> gula, <u>ada</u> semut.	Di tempat orang <u>mudah</u> mendapat rezeki, <u>banyaklah</u> orang berkumpul

Bagaimanakah konsep *korolari* ini dibentuk dalam peribahasa Melayu? Gabungan taakulan dan pengalaman (sensori lihatan, pendengaran, penghiduan, sentuhan dan rasa) berinteraksi dengan alam membentuk kefahaman tentang kewujudan sebab dan akibat. Dalam P5, pemecahan ruyung menyebabkan kewujudan sagu manakala dalam P6, kewujudan gula menyebabkan kehadiran semut. Hal yang sama juga dapat dikesan dalam lagu *Bangau Oh Bangau*, iaitu deretan sebab dan akibat yang membentuk satu jalinan erat haiwan, tumbuhan dan alam.

Konsep Hukum Alam

Dalam P7 dan P8, konsep hubungan berterusan memperluas lagi konsep ‘*korolari*’ dalam P3 dan P4. Dalam kehidupan, terdapat hubungan antara dua perkara, seperti pandai-gagal, lompat-jatuh, ingat-lupa dan waspada-lalai. Hubungan ini wujud secara lumrah, termasuk yang terpaksa diterima dengan penuh pasrah sekalipun cuba dihindarkan.

	Peribahasa	Makna
P7	<u>Sepandai-pandai</u> tupai melompat, <u>sekali</u> gawal juga	<u>Sepandai-pandai</u> orang, <u>ada kalanya</u> <u>salah</u> juga
P8	Pelanduk <u>melupakan</u> jerat, tetapi jerat <u>tidak melupakan</u> pelanduk	Bahaya yang <u>senantiasa</u> mengancam

Kewujudan konsep ini dalam peribahasa Melayu menggambarkan keupayaan masyarakat Melayu membaca dan menilai isi alam dan memadankannya dengan fenomena hubungan berterusan dalam kehidupan. Metafora tupai dan pelanduk sangat tepat maknanya kerana kedua-dua haiwan tersebut sangat licik dan sukar

ditangkap. Namun begitu, kelicikan haiwan tersebut tidak kekal selama-lamanya. Analoginya ialah kelicikan manusia yang berniat jahat tidak bertahan lama kerana lambat laun akan terdedah jua.

Konsep Ruang dan Masa

Dalam P9 dan P10, konsep urutan ruang dan masa diterapkan dengan tersusun. Urutan ruang ialah pergerakan arah dari hulu ke tepian, manakala urutan masa pula merujuk pergerakan masa dari masa dahulu ke masa hadapan (kemudian).

	Peribahasa	Makna
P9	Berakit-rakit ke <u>hulu</u> , berenang-renang ke tepian; bersakit-sakit <u>dulu</u> , bersenang-senang <u>kemudian</u>	Supaya mendapat <u>kesenangan kelak</u> , harus berani bersusah payah dahulu
P10	Sesal dulu pendapatan, sesal <u>kemudian</u> tiada berguna	Fikirlah masak-masak <u>sebelum</u> berbuat sesuatu <u>supaya jangan</u> menyesal

Kedua-dua pergerakan arah dan masa merujuk sifat semula jadi yang mengufuk, iaitu dari hulu ke tepian atau hilir serta dari dulu ke akan datang. Di balik pergerakan arah dan masa tersebut, secara tersirat terdapat juga jarak dan dimensi.

Meskipun semua 10 peribahasa berkenaan dipilih dan dipadankan dengan lima konsep metafizik yang telah ditentukan, tetapi kandungannya juga menepati konsep metafizik lain yang tidak ditentukan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Misalnya, konsep ruang wujud bersama konsep hukum alam dalam peristiwa lompat dan jatuh P7. Begitu juga dengan konsep masa yang dapat diperhatikan kewujudannya secara tersirat dari (masa) khabar ke (masa) rupa dalam konsep taakulan dan pengalaman P3, serta dari (masa) ruyung ke (masa) sagu dalam konsep sebab dan akibat P5.

Selain lima konsep tersebut, terdapat satu konsep metafizik lain yang terkandung dalam kesemua peribahasa tersebut, iaitu polariti. Konsep polariti merupakan kehadiran sepasang konsep yang saling bertentangan (Grayling, 1995: 691). Selain pandai-gagal dan lompat-jatuh dalam P7 (konsep hukum alam), pertentangan antara dua perkara atau benda yang berpasangan turut dapat dikesan melalui khabar-rupa dalam P3 (konsep taakulan dan pengalaman), disangka-kiranya, panas-hujan dan petang-tengah hari dalam P4 (konsep taakulan dan pengalaman), ruyung-sagu dalam P5 (konsep sebab dan akibat), berakit-berenang, hulu-(hilir), (tengah)-tepi, bersakit-bersenang dan dulu-kemudian dalam P9 (konsep ruang dan masa).

PERBINCANGAN

Dalam pengungkapan kelima-lima konsep metafizik yang dipilih, struktur maknanya adalah sistematik, halus, unik dan mempunyai kesejajaran ungkapan dan rima

menjangkau pelbagai konsep. Konsep metafizik tersebut pula pelbagai sifatnya. Kepelbagaian tersebut dibentuk oleh kefahaman, kebijaksanaan dan ketinggian akal budi ahli atau penciptanya dalam interaksi bersama realiti dan kewujudan alam. Hal ini dicerminkan oleh kewujudan konsep perubahan, konsep '*priori*' dan '*posteriori*' dalam taakulan dan pengalaman, konsep '*korolari*' dalam sebab dan akibat, konsep hubungan berterusan dalam hukum alam, serta konsep urutan dan pergerakan dalam ruang dan masa.

Secara perbandingan, dalam kelima-lima konsep metafizik tersebut, konsep ruang dan masa menerusi P9 adalah yang paling menyerlah keindahannya kerana rima akhirnya disusun menggunakan bahasa dan sastra yang penuh puitis. Konsep taakulan dan pengalaman melalui P3 dan P4 pula adalah yang paling mendalam dan meluas jangkauan maknanya kerana dibentuk oleh gabungan taakulan dan pengalaman yang dituang ke dalam polariti khabar-rupa dan disangka-kiranya.

Oleh hal yang demikian, peribahasa Melayu memainkan fungsi penting dalam mengungkapkan pelbagai konsep metafizik. Semua teori dan pendekatan metafizik Barat yang diterapkan dalam analisis makalah ini membantu memperlihatkan keupayaan peribahasa Melayu dalam pengungkapan tersebut.

Pertama, konsep perubahan dalam teori *flux* Heraclitus, iaitu kehidupan ialah perubahan kerana setiap benda sentiasa berubah (Mark, 2020) dan melalui proses kewujudan semula ialah konsep yang sama yang terkandung metafora air dan pasir dalam P1 serta metafora tumbuh dan berganti dalam P2. Kedua, konsep taakulan dan pengalaman Hume (2000), iaitu jalinan idea (*priori*) dan fakta atau realiti sebenar (*posteriori*) merupakan konsep yang serupa yang memberikan peringatan tentang ketidaksejajaran antara pengetahuan (khabar dan sangkaan dalam P3) dengan pengalaman atau realiti sebenar (rupa dan kiraan dalam P4). Ketiga, konsep sebab dan akibat dalam pendekatan *korolari* Hume (2007), iaitu sesuatu yang wujud yang menyebabkan kewujudan sesuatu yang lain adalah sama yang dituangkan dalam metafora pemecahan ruyung dan kewujudan sagu dalam P5 serta kewujudan gula dan kehadiran semut dalam P6. Keempat, konsep hukum alam dalam pendekatan hubungan berterusan Hume (2007), yakni ketetapan alami mengikut ketetapan alam secara berperaturan adalah persis dengan sifat tupai yang alpa dalam P7 yang memberikan perhatian kepada sifat manusia yang tidak bebas daripada melakukan kesilapan, serta sifat pelanduk yang lupakan jerat dalam P8 yang menekankan kepentingan sikap berhati-hati dan berwaspada pada setiap tempat dan masa. Kelima, konsep ruang dan masa dalam teori Aristotle, iaitu dalam setiap perubahan terdapat tiga pergerakan (Shields, 2023) merupakan konsep yang mirip dengan konsep hulu dan dulu yang terungkap dalam P9 dan konsep dulu dan kemudian dalam P10 yang memaparkan ketinggian pengetahuan dan pengalaman masyarakat Melayu tentang bentuk pergerakan yang melibatkan arah dan masa.

Terdapat sedikit keunikan dalam hal ini, iaitu jika pembentukan konsep metafizik falsafah Barat moden dapat dipertalikan misalnya dengan Hume dan Kant, pembentukan konsep metafizik falsafah Melayu pula meskipun dapat difahami, tetapi masih belum dapat dikaitkan dengan mana-mana ahli falsafah tempatan. Dari segi kualiti nilai falsafah, persoalan yang timbul ialah bagaimanakah struktur makna metafizik Melayu dapat dibentuk dengan menarik dan unik melalui peribahasa yang indah dan tersusun sedangkan kewujudan konsep metafizik tersebut tidak disedari dan tidak dibahaskan dalam wacana persuratan Melayu klasik (abad ke-14 hingga abad ke-18) dan moden (abad ke-19 hingga sekarang).

Setakat ini, persetujuan yang diolah ialah siapa ahli atau pencipta peribahasa tidak penting untuk ditentukan kerana peribahasa bukan milik individu atau ahli falsafah tertentu. Peribahasa ialah cebisan kecil produk falsafah yang menjadi milik bersama masyarakat. Peribahasa diakui sebagai khazanah falsafah Melayu dan bukti bahawa masyarakat Melayu memiliki falsafah. Seyogianya diakui bahawa falsafah bukan sahaja tentang ‘memiliki’ falsafah yang muluk-muluk, tetapi juga ‘berfalsafah’ dengan sistematik. Walau bagaimanapun, aspek ‘berfalsafah’ dengan sistematik masih belum diperlihatkan dengan jelas dalam falsafah Melayu (Munif Zarirruddin Fikri Nordin, 2022).

Cara berfikir, idea pemikiran logik, subjek pemikiran dan akar falsafah dalam tradisi Melayu agak tidak begitu diterokai, diabaikan dan tidak diberikan perhatian serius oleh para sarjana falsafah, linguistik atau bidang lain dalam pengajian Melayu dari kedua-dua tradisi Timur dan Barat (Lim, 2003). Kekurangan kajian dalam penyingkapan metafizik Melayu melalui peribahasa adalah disebabkan oleh kurangnya wacana falsafah yang meneroka pemikiran masyarakat Melayu. Tempias pusingan linguistik sejak awal abad ke-20 sehingga sekarang yang mengalihkan fokus linguistik tradisional daripada kajian tentang kata, ayat dan makna semata-mata kepada kajian bahasa sebagai pengungkap realiti dan pandangan semesta tidak begitu dirasakan di negara ini.

Satu contoh pengaruh pusingan linguistik terhadap metafizik Melayu ialah kaedah penggunaan kata sendi nama ‘dalam’ dan ‘atas’ untuk lingkungan abstrak yang tidak mempunyai ruang atau jarak; serta perbezaannya dengan penggunaan frasa sendi nama ‘di dalam’ dan ‘di atas’ untuk lingkungan konkrit yang mempunyai ruang atau jarak (Koleksi Pedoman Bahasa, 2005: 13). Justifikasi perbezaan penggunaan yang diberikan tersebut memperlihatkan keupayaan bahasa Melayu mengungkapkan konsep abstrak dan konkrit dalam metafizik. Keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa metafizik khususnya dan bahasa falsafah amnya perlu diperkukuh dengan cara meneroka realiti, kewujudan dan keberadaan setiap sesuatu sama ada benda fizikal atau bukan fizikal melalui pelbagai konsep metafizik.

KESIMPULAN

Kajian ini memperlihatkan bahawa struktur makna metafizik dalam peribahasa Melayu adalah indah dan tersusun. Pembentukan konsep metafizik dalam peribahasa Melayu pula menjangkau pelbagai dimensi yang luas. Tidak hanya terbatas kepada satu peribahasa satu konsep metafizik, kajian ini turut mendapati bahawa terdapat beberapa konsep metafizik yang terhimpun dalam sebuah peribahasa.

Kepelbagaian konsep metafizik dan keluasan dimensinya dalam peribahasa Melayu dapat dikesan melalui penerapan teori dan pendekatan yang dikemukakan oleh Heraclitus, Aristotle dan Hume dalam bahagian analisis. Prinsip dalam teori dan pendekatan mereka ialah prinsip sejagat yang membuka jalan kepada pembuktian entiti metafizik sama ada yang bersifat abstrak mahupun konkrit. Tanpa meletakkan ukuran sama ada teori dan pendekatan berkenaan sifatnya sekular atau tidak, kesejagatan prinsipnya merentas pelbagai budaya, pemikiran, kepercayaan dan latar belakang masyarakat yang memiliki peribahasa.

Kajian akan datang perlu memberikan perhatian kepada konsep metafizik dengan menyusurgalurkan induk yang mencantumkan metafizik dalam peribahasa dengan cebisan lain produk dan manifestasi falsafah Melayu dalam satu kerangka pemetaan yang jelas supaya kewujudannya dirasai dan kehadirannya dihargai. Ringkasnya, peribahasa merupakan satu daripada data metafizik falsafah Melayu yang terbentang luas di hadapan kita untuk disingkap. Di samping itu, pengajaran dan pembelajaran metafizik wajar memanfaatkan peribahasa Melayu sebagai bahan atau contoh perbincangan yang bersumberkan kearifan tempatan. Peribahasa Melayu bukan hanya sekadar warisan bahasa yang indah struktur maknanya, tetapi juga pancaran kekuatan penaakulan masyarakat Melayu tentang realiti dan kewujudan isi alam yang melengkapkan kehidupan mereka.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia atas kepercayaan yang diberikan dalam pengajaran kursus USPPK3013 *Metaphysics* yang ditawarkan pada Semester 5, program Sarjana Muda Falsafah, Undang-undang dan Perniagaan, mulai Sesi 2022/2023 hingga Sesi 2024/2025, serta sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Selaku penulis tunggal, pengarang bertanggungjawab terhadap keseluruhan penulis makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abdullah Hussain. (1989). *Kamus istimewa peribahasa Melayu. Edisi kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sanuwari Long. (2008). *Sejarah falsafah. Edisi kedua*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. International Institute of Islamic Thought and Civilisation.
- Al-Ghazali. (1992). *Munqidh min al-dalāl*. Mahmud Biju (Ed.). Dār al-Taqwā.
- Aliza Elias. (2020). Menilai kembali faham “budi” melalui bacaan teks-teks manuskrip Melayu hingga kurun ke-18: Suatu penelitian awal. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 13(1), 113–148. <https://doi.org/10.56389/tafhim.vol13no1.5>
- Carroll, J. W., & Markosian, N. (2010). *An introduction to metaphysics*. Cambridge University Press.
- Dayang Nurhazieqa Hamzani. (2024). The soul-body relation from the perspective of the Wujūdiyyah Sūfī metaphysics with a special focus on Syed Muhammad Naquib al-Attas’s metaphysical framework. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 17(2), 57–84. <http://doi.org/10.56389/tafhim.vol17no2.3>
- Ding Choo Ming. (2009). Beberapa sifat, asal usul dan kepengarangan peribahasa Melayu. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 27(2), 3–26.
- Forster, M. N. (2010). *After Herder: Philosophy of language in the German tradition*. Oxford University Press.
- Grayling, A. (1995). Polar concepts. Dlm. Ted Honderich (Pnyt.), *The Oxford companion to philosophy*. Oxford University Press.
- Hume, D. (2000). *An enquiry concerning human understanding*. Dlm. Tom L. Beauchamp (Pnyt.). Clarendon Press.
- Hume, D. (2007). *A treatise of human nature*. Dlm. David Fate Norton & Mary J. Nortonm (Pnyt.). Clarendon Press.
- Ibn Sina. (t.t.). *Al-isyārah wa al-tanbīhāt*. Sulaiman Dunya (Ed.). Dār al-Ma‘ārif.
- Idris Zakaria. (2000). Mengapa Melayu tiada ahli falsafah? *Pemikir*, 22, 103–115.
- Ismet Fanany, & Rebecca Fanany. (2003). *Wisdom of the Malay proverbs*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Kompilasi pandangan hukum: Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Junaini Kasdan. (2022). *Gastronomi peribahasa dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kant, I. (1965). *Critique of pure reason*. Norman Kemp Smith (Ptjh.). St. Martin's Press.
- Khayrurrijal. (2021). Al-Attas's view on the importance of man in our understanding of the cosmos. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 14(2), 53–76.
- Khalid Jaafar. (2009). *Metafizik dan kosmopolitansime*. Institut Kajian Dasar.
- Koleksi pedoman bahasa. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim Kim Hui. (2003). Budi as the *Malay mind: A philosophical study of Malay ways of reasoning and emotion in peribahasa* [Tesis doktor falsafah, Universiti Hamburg].
- Lim Kim Hui, & Har Wai Mun. (2014). Jaringan bahasa: Logik, retorik dan globalisasi. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Loux, M. J., & Crisp, T. M. (2017). *Metaphysics: A contemporary introduction. Fourth edition*. Routledge.
- Mark, J. J. (2020). Heraclitus: Life is *flux*. *World History Encyclopedia*. <https://www.worldhistory.org/article/75/heraclitus-life-is-flux/>
- McDaniel, K. (2020). *This is metaphysics: An introduction*. John Wiley & Sons.
- Muhammad Haji Salleh. (2020). *Peribahasa Melayu: Pameri akal budi*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. (2022). Bahasa dan agama menurut falsafah analitik British: Respons linguistik Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15(1), 49–68. [https://doi.org/10.37052/jm.15\(1\)no3](https://doi.org/10.37052/jm.15(1)no3).
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2025). <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Seyyed Hossein Nasr. (1992). *An introduction to Islamic cosmological doctrines*. Baharuddin Ahmad & Osman Bakar (Ptjh.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shields, C. (2023). Aristotle. Dlm. Edward N. Zalta, & Uri Nodelman (Pnyt.), *The Stanford Encyclopedia of Philosophy* (Winter 2023 Edition), <https://plato.stanford.edu/archives/win2023/entries/aristotle/>.
- Smith, R. (2022). Aristotle's logic. Dlm. Edward N. Zalta, & Uri Nodelman (Pnyt.), *The Stanford Encyclopedia of Philosophy* (Winter 2022 Edition), <https://plato.stanford.edu/archives/win2022/entries/aristotle-logic/>.
- Za'ba. (2002). *Ilmu mengarang Melayu. Edisi ejaan Rumi baharu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.